 <b>UTHM</b> <small>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia</small>	No. Rujukan Dokumen	<b>GPPT-01</b>	No. Mukasurat	<b>1/3</b>
			Edisi	<b>1</b>
	Nama Dokumen	<b>Garis Panduan Pengurusan Tenaga : Pengurusan Polisi Tenaga Universiti</b>	No. Semakan	<b>0</b>
			Tarikh Efektif	<b>1 Januari 2022</b>

## **GARIS PANDUAN PENGURUSAN TENAGA: PENGURUSAN POLISI TENAGA UNIVERSITI**

*(University Energy Policy Management)*

---

### **1.0 TUJUAN**

Tujuan Garis Panduan ini digubal adalah untuk menjelaskan berkaitan pembentukan dan pengurusan Polisi Tenaga Universiti.

### **2.0 SKOP**

Garis panduan ini terpakai ke atas mana-mana PTj atau bahagian PTj yang dipertanggungjawabkan untuk merancang, menyelaras, memantau dan melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan pengurusan tenaga di peringkat Universiti.

### **3.0 RUJUKAN**


- 3.1 *ISO 50001 : 2018 Energy Management System (EnMS)*
- 3.2 *Energy Management Gold Standard (EMGS)*

### **4.0 DEFINISI / TAKRIFAN**

- Universiti - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- PTj - Pusat Tanggungjawab

### **5.0 KEPERLUAN**

- 5.1 Polisi Tenaga Universiti merupakan satu dokumen rasmi yang menyatakan dengan jelas komitmen Universiti kepada pelaksanaan pengurusan tenaga sepertimana yang dinyatakan di dalam garis panduan ini.
- 5.2 Pembentukan Polisi Tenaga Universiti adalah di bawah tanggungjawab mana-mana PTj atau bahagian PTj yang dipertanggungjawabkan untuk merancang, menyelaras, memantau dan melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan pengurusan tenaga di peringkat Universiti dengan melibatkan semua PTj - PTj yang berkepentingan.
- 5.3 Polisi Tenaga Universiti boleh dirujuk sebagai punca kuasa ke atas pelaksanaan mana-mana aktiviti berkaitan pengurusan tenaga di Universiti.

 <b>UTHM</b> <small>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia</small>	No. Rujukan Dokumen	<b>GPPT-01</b>	No. Mukasurat	<b>2/3</b>
			Edisi	<b>1</b>
	Nama Dokumen	<b>Garis Panduan Pengurusan Tenaga : Pengurusan Polisi Tenaga Universiti</b>	No. Semakan	<b>0</b>
			Tarikh Efektif	<b>1 Januari 2022</b>

## 6.0 KANDUNGAN


- 6.1 Polisi Tenaga Universiti hendaklah menyatakan dengan jelas komitmen Universiti untuk menyokong dan melaksanakan aktiviti berkaitan pengurusan tenaga bagi menambah baik prestasi tenaga Universiti.
- 6.2 Polisi Tenaga Universiti hendaklah menyatakan dengan jelas komitmen Universiti untuk mematuhi keperluan undang-undang, dasar kerajaan dan piawaian berkaitan dengan pengurusan tenaga.
- 6.3 Polisi Tenaga Universiti hendaklah menyatakan dengan jelas komitmen Universiti untuk menyediakan sumber manusia yang mencukupi bagi menyokong pelaksanaan aktiviti pengurusan tenaga.
- 6.4 Polisi Tenaga Universiti hendaklah menyatakan dengan jelas komitmen Universiti untuk menyediakan peruntukan kewangan dalam bentuk perolehan dan pelaburan bagi menyokong pelaksanaan aktiviti pengurusan tenaga.
- 6.5 Polisi Tenaga Universiti hendaklah menyatakan dengan jelas sasaran tenaga Universiti beserta tempoh masa yang ditetapkan bagi mencapai sasaran tersebut.

## 7.0 PERAKUAN

- 7.1 Polisi Tenaga Universiti hendaklah diperakui di peringkat pengurusan tertinggi Universiti.
- 7.2 Polisi Tenaga Universiti hendaklah ditandatangani oleh Naib Canselor sebagai bukti bahawa dokumen berkaitan telah diperakui di peringkat pengurusan tertinggi Universiti.

## 8.0 SEMAKAN SEMULA

- 8.1 Polisi Tenaga Universiti hendaklah disemak semula sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.
- 8.2 Proses semakan semula Polisi Tenaga Universiti hendaklah direkodkan dan disimpan bagi tujuan rujukan.

 <b>UTHM</b> <small>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia</small>	No. Rujukan Dokumen	<b>GPPT-01</b>	No. Mukasurat	<b>3/3</b>
			Edisi	<b>1</b>
	Nama Dokumen	<b>Garis Panduan Pengurusan Tenaga : Pengurusan Polisi Tenaga Universiti</b>	No. Semakan	<b>0</b>
			Tarikh Efektif	<b>1 Januari 2022</b>

## 9.0 HEBAHAN

- 9.1 Polisi Tenaga Universiti hendaklah dihebahkan secara menyeluruh kepada warga Universiti melalui mana-mana medium yang bersesuaian.
- 9.2 Aktiviti berkaitan hebahan Polisi Tenaga Universiti hendaklah direkodkan dan disimpan bagi tujuan rujukan.